

## Kejayaan dan Impak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Membentuk Pendidikan di Malaysia

PROF DATUK DR SUFEAN HUSSIN

*University College Fairview*

*Kuala Lumpur*

[drsufean.ucf@fairview.edu.my](mailto:drsufean.ucf@fairview.edu.my)



### Abstrak

Dari segi konteks sejarah, pendidikan formal dan nonformal di Semenanjung Tanah Melayu antara abad ke-15-18 telah berlangsung di institusi masjid, pondok, dan madrasah melalui gerakan Islamisasi dalam kalangan masyarakat Melayu agrarian ketika itu yang masih terpengaruh dengan kepercayaan dan amalan adat budaya tradisional. Gerakan Islamisasi tersebut berpandukan falsafah esensialisme berpaksikan tauhid, dengan kurikulum dan pembelajaran mengenai sifat-sifat Allah swt, pengajian rukun iman dan Islam, pengajian Al-Quran dan Hadiths, pengajian Bahasa Arab, pengajian Sejarah Islam, pengajian tasawuf dan usuluddin, dan pengajian ilmu Fiqh dalam konteks budaya Melayu Nusantara dengan pemikiran dan budaya hidup kekampungan. Tokoh-tokoh ulama dari wilayah Arab, Mesir dan Turki telah menggerakkan proses Islamisasi berkenaan di Nusantara Melayu antara abad ke-15-19, justeru kemudiannya lahirlah generasi baharu ulama Islam dari dalam kalangan anak pribumi dalam wilayah Nusantara sendiri. Proses Islamisasi itu adalah dalam tempoh 500 tahun, namun keberhasilannya tidaklah mutlak dari perspektif tamadun mithali dan madani—jika digunakan pelbagai indeks global masa kini.

Sebaliknya, kedatangan pedagang kolonial Inggeris dan mubaligh Kristian pada abad ke-18 dan ke-19 telah mencabar proses Islamisasi, kedaulatan orang Melayu, dan adat resam orang Melayu, yang kini berdepan dengan psikologi “inferiority complex” yang menganggap orang Inggeris lebih jauh moden, bertamadun, dan mempunyai kelas sosial tinggi. Sekolah Inggeris kerajaan dan mubaligh Kristian dan kurikulum pendidikan Inggeris telah menjadi pencetus krisis budaya dan agama dalam kalangan orang Melayu Islam selama 150 tahun (1800-1950). Proses Islamisasi dengan falsafah esensialisme tergugat, dan generasi Melayu terbahagi kepada dua, iaitu golongan liberal moden dan golongan Islam progresivis. Malaysia kini mewarisi aliran kurikulum

pendidikan kebangsaan yang menekankan modenisasi dan juga aliran pendidikan pendidikan Islam di sekolah agama.

Dengan fakta bahawa masyarakat Melayu dan agama Islam adalah dominan, fakta bahawa masyarakat Malaysia yang kosmopolitan, dan fakta keperluan wawasan negara maju, apakah kekuatan dan fungsi FPK dalam membentuk sistem dan kurikulum pendidikan di Malaysia kini? Sejauh manakah FPK relevan untuk masyarakat kosmopolitan Malaysia, untuk orang Islam di Malaysia, dan untuk pembangunan teknologi dan ekonomi negara? Ini adalah antara persoalan yang kita perlu jawab.

### **Ringkasan Perkembangan Sistem Pendidikan, 1960-2018**

Deklarasi kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu atau Malaya pada akhir Ogos 1957 menandakan satu titik permulaan pembentukan negara bangsa kosmopolitan dan demokratik bersandarkan kepada Perlembagaan negara, yang memaktubkan antara lainnya bahawa ketetapan kuasa pemerintahan Yang Di Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, kuasa pentadbiran negeri-negeri, kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Agenda utama negara baharu ialah membentuk negara bangsa (nation building) dalam konteks ancaman komunisme, kemunduran ekonomi agrarian, masyarakat luar bandar dengan 70 rumpun etnik berbeza bahasa dan budaya, dan taraf pendidikan rakyat yang rendah. Saluran utama untuk membentuk negara bangsa disandarkan kepada sistem pendidikan formal, yang dikomplekskan urustadbirnya oleh kewujudan empat aliran utama, iaitu Inggeris, Melayu, Agama Islam, Cina, dan Tamil. Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) menjadi tunjang mereformasikan sistem pendidikan Inggeris kepada sistem pendidikan kebangsaan, yang kemudiannya diperkukuhkan secara perundangan oleh Akta Pendidikan 1961.

Prinsip teras ialah pendidikan sebagai saluran dan agen untuk pembasmian buta huruf, membina modal insan, dan membina perpaduan kaum dan integrasi nasional melalui fahaman demokrasi pendidikan, iaitu fahaman yang menyorotkan idea bahawa aliran pendidikan untuk anak-anak ditentukan oleh ibu bapa dalam masyarakat kosmopolitan dan idea bahawa anak-anak diberi peluang maksimum untuk menyelusuri peringkat dan proses dalam sistem pendidikan formal, dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Antara dasar pendidikan yang diusul dan

dilaksanakan ialah dasar pentadbiran pendidikan kebangsaan yang seragam di semua negeri, dasar sekolah vernakular, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kurikulum standard dan seragam bagi semua aliran sekolah, sistem peperiksaan kebangsaan, dasar ko-kurikulum seragam, dan penggunaan Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah dan pendidikan tinggi. Falsafah pendidikan yang tersirat dalam era 1960-an dan 1970-an ialah pragmatisme<sup>1</sup>, iaitu pendidikan di sekolah dan pendidikan tinggi adalah untuk memenuhi keperluan kemajuan dan pembangunan sosial dan ekonomi dalam konteks negara bangsa yang demokratik, bersatu padu, dan terpelajar. Perkembangan pendidikan dalam masa tersebut terarah kepada keperluan modal insan (human capital) untuk sektor kerajaan, seperti yang disarankan oleh Laporan Khir Johari (1967). Falsafah pragmatisme itu diperkukuhkan lagi manifestasinya oleh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu dalam era 1970-an, iaitu pendidikan menjadi nadi dalam agenda kerajaan membasmi kemaskininan dan menyusun semula ekuiti ekonomi masyarakat.

Selanjutnya, dalam era 1980-an, kurikulum pendidikan formal telah diubah orientasinya daripada fokus-akademik kepada fokus-integrasi, iaitu integrasi antara mata pelajaran, dengan andaian bahawa teori dan konsep sesuatu mata pelajaran dapat diintegrasikan dan diperkukuhkan oleh mata pelajaran lain, iaitu wujud konsep interdisiplinari yang lebih relevan untuk kefahaman dan aplikasi dalam kehidupan dan pembelajaran. Konsep pembelajaran masteri (*mastery learning*) dan konsep pembelajaran berfokus-murid dilaksanakan, iaitu tiada lagi pembelajaran berpusat-guru, berpusatkan akademik, dan hafalan (*rote learning*). Dari segi pedagogi, falsafah pendidikan pada tempoh ini ialah falsafah progresivisme<sup>2</sup>, iaitu pembelajaran dalam bilik wajar sekali mempunyai relevan dengan pengalaman, minat, kebolehan, dan kepentingan pelajar.

---

<sup>1</sup> Pragmatisme ialah satu aliran pemikiran yang mengatakan bahawa konsepsi pendidikan sebagai satu konsep atau konstruk meliputi natijah atau manfaat praktikal seperti pemodenan, demokrasi, pembangunan sosial, dan revolusi perindustrian. Falsafah ini tercetus dalam tahun 1870 di Amerika Syarikat oleh tokoh seperti William James dan Charles S. Peirce. Subjek klasik dan teologi sudah tidak relevan untuk revolusi industri di Amerika Syarikat dan Eropah. Kursus dan program pengajian di universiti hendaklah menyokong proses pembangunan industri, kewangan, dan ekonomi.

<sup>2</sup> Gerakan progresivisme kuat menular di Amerika Syarikat sekitar 1890-1920, dengan aspirasi untuk reformasi sosial yang menyokong ekuiti sosial, hak individu, dan demokrasi untuk menyelesaikan banyak isu polarisasi dan diskriminasi dalam pentadbiran kerajaan. Dalam pendidikan, John Dewey adalah tokoh akademik utama yang mencanangkan falsafah progresivisme dalam sekolah dan universiti di Amerika Syarikat ketika itu.

Penyelesaian masalah, komunikasi, dan interaksi digalakkan untuk memahami dan mengaplikasi ilmu kepada masyarakat dan alam sekitar. Seterusnya, proses pendidikan hendaklah diteruskan oleh individu dengan konsep pendidikan sepanjang hayat (*lifelong education*). Maka, falsafah progresivisme inilah yang mendasari pemikiran dalam Laporan Kabinet 1979 dan seterusnya pelaksanaan KBSR-KBSM dalam era 1980-an dan juga pembentukan satu gagasan pemikiran dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1988.

Di peringkat pendidikan tinggi, Akta Pendidikan 1996 telah memperakukan dasar-dasar yang sedia ada dan juga falsafah pendidikan, namun Akta itu juga menggariskan orientasi baharu, iaitu penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang melalui kemajuan ICT untuk trend globalisasi dan internasionalisasi, liberalisasi universiti dan disiplin ilmu, urus tadbir universiti awam yang lebih seragam, dan akreditasi kualiti program dan kursus pengajian di IPT. Selain daripada itu, Akta juga memperakukan liberalisasi pendidikan tinggi sebagai satu industri, yang memerlukan sumbangan mampan sektor swasta dalam proses pembangunan pendidikan tinggi bagi tujuan pengeluaran sumber manusia terpelajar dan terlatih untuk sektor kerajaan dan industri. Justeru, berlaku satu arus perluasan (*massification*) demokrasi pendidikan tinggi dengan kepercayaan bahawa semua warga belia layak mendapatkan pendidikan tinggi sama ada di kolej komuniti, institut latihan perindustrian, ataupun di universiti perdana. Perluasan demokrasi dan liberalisasi pendidikan tinggi telah menghasilkan usahawan muda dalam pelbagai sektor ekonomi dan juga tenaga kerja profesional di firma swasta dan jabatan kerajaan. Universiti dan fokus-akademik tidak lagi di pandang tinggi kerana ijazah akademik tanpa pengalaman dan tanpa pengetahuan budaya kerja organisasi tidak lagi menjamin kebolehgajian (*employability*) graduan. Justeru itu, pemikiran pragmatisme sudah terpahat kebenarannya kini; hilang lenyaplah fahaman dan status menara gading universiti. Bukan itu sahaja, kini universiti mesti menghambat pensetaraan (*markat*) sama ada di peringkat lokal ataupun global melalui daya usaha penyelidikan, penerbitan, pengkomersialan hasil penyelidikan, dan propaganda publisiti<sup>3</sup>.

---

<sup>3</sup> Banyak papan iklan dan brosur beberapa IPT yang mempromosikan diri mereka sebagai institusi terbaik dalam hal ini dan itu.

Dalam era slogan transformasi pula, kurikulum sekolah telah disemak dan distandardkan serta berubah mulai tahun 2011 bagi KSSR dan tahun 2017 bagi KSSM, untuk mengambil kira keperluan transformasi negara untuk beranjak daripada taraf negara membangun kepada taraf negara maju, seperti Jepun, Korea Selatan, Amerika Syarikat, England, Russia, dan Jerman yang mempunyai pendapatan per kapita tinggi, kualiti hidup yang baik, dan mereka menerajui industri teknologi robotik, teknologi digital, teknologi komputer, dan teknologi aeroangkasa. KSSR dan KSSM mempunyai enam tunjang, iaitu komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, keterampilan diri, sains dan teknologi, dan kerohanian dan nilai. Beberapa konsep pengajaran baharu diintegrasikan iaitu penggunaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran(DSKP), peruntukan masa dalam jam dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Selain daripada itu terdapat enam keberhasilan pembelajaran (*learning outcomes*) ditekankan iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional.

Apapun wujud satu dikotomi sosial mengenai pendidikan. Dari satu segi, masyarakat secara amnya masih terus mengutamakan pencapaian akademik anak-anak dalam peperiksaan kebangsaan seperti UPSR, PT3, SPM, STPM, dan peperiksaan di IPT. Ibu bapa mahukan akauntabiliti institusi, dan mereka dapat menentukan kualiti sekolah dan IPT melalui keputusan akademik anak-anak mereka. Prestij dan status sosial terikat kepada keputusan peperiksaan dalam transkrip akadeliti,mik. Fahaman masyarakat ialah falsafah esensialisme, iaitu pada asasnya proses pendidikan mesti menekankan pencapaian akademik kerana ini menjamin akauntabiliti, kualiti, dan status, maka pengajaran-pembelajaran mesti berfokus kepada pencapaian akademik yang tinggi. Guru dan sekolah mesti mengutamakan perkara ini. Dari segi lain pula, sistem pengurusan dan pembangunan kurikulum terarah kepada falsafah progresivisme-pragmatisme— iaitu keberhasilan pembelajaran berpusatkan pelajar dan keberhasilan sistem pendidikan formal dalam mencapai hasrat negara maju. Maka dikotomi ini mencelarukan pemikiran masyarakat, dan para pendidik, iaitu guru dan pensyarah juga bercelaru dan stres dengan kehendak pentaksiran keberhasilan dan kualiti. Natijahnya, proses kurikulum menjadi mekanikal, tetapi ia juga diujut

dalam era digital di mana pelajar terdedah kepada lebuhraya media sosial, informasi global, dan ilmu pengetahuan dalam seribu satu macam bidang kehidupan, yang mengakibatkan kandungan kurikulum, buku teks, dan cara pengajaran ketinggalan zaman atau kurang relevan.

Jika direnungkan dan dianalisis, dalam abad ke-21 ini, trend kurikulum sekolah dan program pengajian di institusi pengajian tinggi berubah orientasinya ke arah pendidikan berasaskan keberhasilan (*outcome-based education*), sejajar dengan prinsip akauntabiliti dalam bidang dasar. Implikasinya ialah semua proses dan aktiviti pendidikan mesti disukat pencapaian dan keberkesannya melalui pentaksiran standard pada program, kursus, dan kemahiran lembut (*soft skills*)—sila rujuk secara online kerangka standard dan audit oleh agensi MQA (*Malaysian Qualification Agency*, 2018) yang menitikberatkan penyetaraan keberhasilan pembelajaran kursus dan program pengajian dalam banyak aspek pendidikan di universiti dan kolej. Pencapaian dan keberkesanan pengajaran-pembelajaran mesti jelas, boleh diukur, dan boleh dicapai. Maka lahirlah sejak satu dekad ini kesibukan penyetaraan dan pentaksiran, dengan bermacam-macam proses, prosedur, dan borang penilaian kualiti, sama ada di sekolah mahupun di universiti. Proses pendidikan kini menjadi mekanikal, walaupun kepada hal-hal intrinsik seperti perangai, emosi, moral, dan rohani keagamaan individu.

Justeru, apakah falsafah pendidikan dalam dekad-dekad abad ke-21 ini? Seperti dinyatakan dalam perenggan sebelum ini, falsafah pendidikan di sekolah dan IPT kini terarah kepada progresivisme-pragmatisme. Progresivisme kerana kurikulum berpusatkan pelajar, dan pragmatisme kerana keberhasilan pendidikan adalah untuk memenuhi aspirasi masyarakat dan pembangunan negara maju dalam era digital dan revolusi industri keempat (4IR) global. Jika kita buat refleksi mendalam, pedagogi yang relevan di sekolah dan universiti dalam dekad akan datang ialah pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*) dan pembelajaran penemuan-inkuiri (*discovery-inquiry based*) untuk pemahaman dan aplikasi teori-konsep melalui kaedah projek, kajian, dan pengalaman (*experiential*). Ini kerana teknologi digital dan ICT dalam era globalisasi ini telah memungkinkan pendekatan dan strategi pedagogi sedemikian, maka prasarana di sekolah dan IPT perlu ditingkatkan (*upgrade*) untuk menyokong aplikasi pedagogi itu.

Dalam kemelut modenisasi, sekolah dan kolej aliran Agama Islam masih kuat dengan falsafah esensialisme, iaitu pengajian ilmu-ilmu klasik seperti Tauhid, Fiqh, Sejarah Islam, Falsafah Islam, Tajwid Al Quran, Tafsir Al Quran, Kitab dan Hadiths, Bahasa Arab, dan Sains Islam<sup>4</sup> dengan tujuan membina kefahaman tentang budaya, pemikiran, dan amalan hidup sebagai orang bertaqwa kepada Allah swt serta yang mensembangkan urusan dunia dan akhirat. In adalah kerana masyarakat Islam percaya bahawa ilmu yang asas dan hukum penting untuk pembinaan perlembagaan diri Islamiah dan keimanan, dan ini tidak perlu berubah dan terlibat dengan kemelut modenisasi; apa yang boleh diubah dan berubah ialah ilmu keduniaan seperti geografi, politik, ekonomi, antropologi, teknologi, sejarah moden, dan bahasa. Namun, bagi sekolah Agama Islam kerajaan, di samping ilmu klasik, kurikulum juga menekankan falsafah pragmatisme melalui pembelajaran Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Asas Komputer dan ICT, dan Sejarah Malaysia—olahan kurikulum KSSR dan KSSM.

Jika falsafah pendidikan adalah gambaran tujuan mutakhir (*end goal*) ideologi, proses, bentuk, dan kaedah pendidikan atau pentarbiyahan manusia, maka apakah teori yang relevan tentang fungsi pendidikan? Teori fungsional pendidikan ialah teori pelbagai literasi (*multiple literacies theory*), yang menjelaskan bahawa pengilmuan, pembudayaan, dan sosialisasi manusia dengan pelbagai bidang ilmu adalah untuk membolehkan mereka berfungsi dan celik akal (*literate*) sebagai manusia sejahtera atau seimbang, adil, progresif, dan bertamadun tinggi<sup>5</sup>. Dari segi sejarah perkembangan pendidikan di Amerika Syarikat, terdapat 16 bidang literasi bagi individu<sup>6</sup> dan masyarakat yang percaya dan mengamalkan pendidikan sepanjang hayat (lifelong education):

1. Literasi Asas (3M)
2. Literasi Pelbagai Budaya
3. Literasi Nilai Moral/Agama

---

<sup>4</sup> Sains Islam bermaksud ilmu sains, matematik, ekonomi, dan falsafah dikaitkan dengan ilmu Al-Quran

<sup>5</sup> Dengan Rahmat Allah swt, teori pelbagai literasi ini terbit semasa membuat refleksi tentang perlembagaan manusia dan perkembangan pendidikan bagi menghasilkan kertas kerja ini. Alhamdulillah.

<sup>6</sup> Pada tahun 2017, populasi Malaysia ialah 32.4 juta orang, dengan jumlah kelahiran 508,690 bayi. Data daripada Jabatan Statistik Malaysia, 2018. Jumlah murid sekolah rendah dan menengah ialah 5.074 juta orang dan pelajar IPT ialah 1.33 juta orang—Statistik KPM 2017.

4. Literasi Sivik dan Kenegaraan
5. Literasi Seni (Kraf, Binaan, Visual, Muzik, Persembahan)
6. Literasi Estetika & Tatasusila
7. Literasi Konsumerisme
8. Literasi Ekonomi dan Kewangan
9. Literasi Sains & Teknologi
10. Literasi ICT Digital
11. Literasi Ekologi
12. Literasi Kerjaya dan Keusahawanan
13. Literasi Kesihatan
14. Literasi Asas Perundangan
15. Literasi Masyarakat Sejahtera
16. Literasi Rohani dan Spiritual

Oleh yang demikian, kita boleh menjadikan 16 bidang literasi berkenaan sebagai domain dan tanda aras kemajuan dan pencapaian falsafah pendidikan formal (sekolah dan IPT) di Malaysia—[sila rujuk Lampiran A mengenai perincian item dan seterusnya menjawab semua item dalam senarai semak tahap keberhasilan FPK. Sila serahkan jawapan anda kepada pihak Urusetia untuk dianalisis]<sup>7</sup>. Pada pertimbangan saya, berdasarkan 16 bidang literasi berkenaan, kurikulum pendidikan di sekolah rendah dan menengah belum mencapai tahap memuaskan dalam 15 bidang, sementara itu kurikulum program di peringkat pendidikan tinggi—khususnya swasta—pun juga belum mencapai tahap memuaskan pada 11 bidang.

Sekarang marilah kita membuat analisis mengenai FPK, kemudian kita buat evaluasi kejayaan FPK dalam pembinaan negara bangsa dan masyarakat berbudaya tinggi berdasarkan beberapa tanda aras internasional.

---


<sup>7</sup> Ini satu peringkat analisis dalaman, iaitu daripada kita semua yang telah mengharungi sistem pendidikan formal Malaysia. Daripada ini, kita boleh sedari setakat manakah cakupan dan pencapaian system pendidikan Malaysia selama ini, dan kita dapat membuat keputusan dalam bidang literasi mana sistem kita lemah.



## Kenyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara<sup>8</sup>.*

Rajah 1.1 berikut menunjukkan komponen dan bidang kurikulum dan pembelajaran murid sekolah dan pelajar IPT.



<sup>8</sup> Rujuk portal Kementerian Pendidikan Malaysia, 15 November 2018, <https://www.moe.gov.my>

JASMANI

TEKNOLOGI

---

AMALAN, TINDAKAN

**2 KEADAAN DIRI DAN KERJAYA INDIVIDU**


**3 PEMBANGUNAN NEGARA BANGSA**

(TEKNOLOGI, SOSIAL, POLITIK, EKONOMI)

Rajah 1.1: Komponen dan bidang kurikulum dalam FPK

Berdasarkan Rajah 1.1, perincian dan huraian yang terbit daripada lima komponen diri manusia adalah menurut konsepsi falsafah esensialisme (hakikat) dalam proses pembinaan diri dan sahsiah manusia itu sendiri. Di samping itu, aspek-aspek instrinsik dan ekstrinsik--seperti nilai, kepercayaan, imu, kemahiran, amalan, dan tindakan pada garisan segi tiga—merupakan aspek instrumental untuk mencapai tiga tujuan utama kehidupan dan kewujudan manusia, iaitu Keagamaan untuk Tuhan, Keadaan diri dan kerjaya individu, dan Pembangunan negara bangsa (*hablum minnanas, hablum minallah*).

Rajah 1.2 pula menunjukkan matlamat FPK seperti dihuraikan oleh Kementerian Pendidikan dalam usaha pembangunan manusia di Malaysia. Apa yang kurang berbanding dengan 16 bidang literasi pada Lampiran A? Sila buat taksiran mengikut peringkat pendidikan, iaitu rendah, menengah, dan tinggi.



Rajah 1.2: Matlamat FPK dari aspek pembangunan individu manusia dalam konteks negara bangsa Malaysia

Selanjutnya, mari kita taksir kejayaan falsafah dan matlamat pendidikan di Malaysia menurut perspektif global.

### Kejayaan dan Pencapaian FPK: Perspektif Indeks Global

Kita di Malaysia percaya dengan teori bahawa guru yang berkualiti melahirkan murid-murid yang berkualiti, atau pendidikan yang berkualiti melahirkan generasi manusia dan masyarakat yang berkualiti, atau falsafah pendidikan yang holistik menjadi acuan dan panduan untuk membentuk generasi manusia yang komited kepada pembinaan negara bangsa berdaulat dan patriotik selaras dengan konsep kewarganegaran (citizenship), dan komited kepada pembinaan masyarakat bertamadun tinggi, berkerohanian bersih, dan sejahtera. Inilah teori kesan-akibat yang masyarakat Malaysia percaya.

Kita boleh menilai kesahihan teori tadi dengan dua pendekatan, iaitu dengan penilaian dalaman (muhasabah atau refleksi keadaan diri kita) bersandarkan kriteria tertentu, dan dengan penilaian luaran secara komparatif dengan orang lain menggunakan standard atau indeks tanda

aras tertentu. Senarai semak pada Lampiran A adalah penilaian dalaman untuk pencapaian sistem pendidikan dengan FPK sedemikian, sementara Lampiran B menunjukkan pencapaian atau kejayaan masyarakat Malaysia yang dibina oleh sistem pendidikan tersebut. Sebanyak 16 indeks atau kriteria global digunakan untuk kita tahu dan memahami kedudukan Malaysia secara komparatif dengan negara lain di dunia. Jadual 1 berikut memaparkan keputusan carian saya. Sila teliti dan buat keputusan sendiri.

**Jadual 1: Indeks Masyarakat Malaysia berbanding dengan Negara Lain di Dunia**

No	Indeks Global	Malaysia	Negara Terbaik, Markat 1	Sumber
1	GDP (PPP) per capita, GDP	Markat 50, Int \$30,859	Qatar , Int * \$128,703	<a href="https://statisticstimes.com/economy/projected-world-gdp-capita-Markat.php">https://statisticstimes.com/economy/projected-world-gdp-capita-Markat.php</a> , 2018 IMF
2	Indeks Kemewahan (Prosperity Index) 2017	Markat 42 daripada 148 negara	Norway	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
3	Indeks Kualiti ekonomi	Markat 24	Sweden	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
4	Indeks Persekitaran Perniagaan	Markat 20	Amerika Syarikat	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
5	Indeks governan kerajaan	Markat 45	Finland	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
6	Indeks kualiti pendidikan	Markat 31	Switzerland	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>

15 – 16 November 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

7	Indeks kualiti kesihatan	Markat 38	Luxembourg	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
8	Indeks keselamatan / sekuriti	Markat 59	Singapore	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
9	Indeks kebebasan personal	Markat 120	New Zealand	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
10	Indeks modal sosial, demokrasi	Markat 30	Australia	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
11	Indeks daya usaha konservasi ekologi	Markat 50	Norway	<a href="https://www.prosperity.com/Markat">https://www.prosperity.com/Markat</a>
12	Indeks kegembiraan/ kebahagiaan (Happiness index)	Markat 35	Finland	<a href="https://s3.amazonaws.com/happiness-report/2018/CH2-WHR-Ir.pdf">https://s3.amazonaws.com/happiness-report/2018/CH2-WHR-Ir.pdf</a>
13	Indeks kebersihan negara (EPI)	Markat 75	Switzerland	<a href="https://naijaquest.com/cleanest-countries-in-the-world/">https://naijaquest.com/cleanest-countries-in-the-world/</a>
14	Indeks kepuasan hidup @	Markat 17 daripada 178 negara Skor 246	Denmark Skor 273	<a href="http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf">http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf</a>
15	Indeks pembangunan insan &	Markat 57 daripada 143 negara	Norway	<a href="http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf">http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf</a>
16	Indeks Planet Gembira (Happy Planet Index) #	Markat 33 daripada 136 negara	Costa Rica	<a href="http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf">http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf</a>

17	Indeks Gender (2010)	Jurang Global	Markat daripada 136	98	Iceland	<a href="http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf">http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf</a>
18	Indeks Buangan Gas (Gas Emmission Index)	Gas Emmission	Markat daripada negara	28 196	Amerika Syarikat	<a href="http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf">http://www.countrywatch.com/Content/pdfs/reviews/B3ZM6ZM9.01c.pdf</a>

\* *The Geary–Khamis dollar, more commonly known as the international dollar, is a hypothetical unit of currency that has the same purchasing power parity that the U.S. dollar had in the United States at a given point in time.*

@*Life Satisfaction Index Created by Adrian G. White, an Analytic Social Psychologist at the University of Leicester, the "Satisfaction with Life Index" measures subjective life satisfaction across various countries. The data was taken from a metastudy (see below for source) and associates the notion of subjective happiness or life satisfaction with qualitative parameters such as health, wealth, and access to basic education. This assessment serves as an alternative to other measures of happiness that tend to rely on traditional and quantitative measures of policy on quality of life, such as GNP and GDP. The methodology involved the responses of 80,000 people across the globe.*

& *Human Development Index (Ranked Numerically) The Human Development Index (HDI) is used to measure quality of life in countries across the world. The HDI has been compiled since 1990 by the United Nations Development Programme (UNDP) on a regular basis. The HDI is a composite of several indicators, which measure a country's achievements in three main arenas of human development: longevity, education, and economic standard of living. Although the concept of human development is complicated and cannot be properly captured by values and indices, the HDI offers a wide-ranging assessment of human development in certain countries, not based solely upon traditional economic and financial indicators.*

# *Happy Planet Index The Happy Planet Index (HPI) is used to measure human well-being in conjunction with environmental impact. The HPI has been compiled since 2006 by the New*

*Economics Foundation. The index is a composite of several indicators including subjective life satisfaction, life expectancy at birth, and ecological footprint per capita*

*% The Global Gender Gap Index by the World Economic Forum ranks most of the world's countries in terms of the division of resources and opportunities among males and females. Specifically, the Markat assesses the gender inequality gap in these four arenas: 1. Economic participation and opportunity (salaries and high skilled employment participation levels) 2. Educational attainment (access to basic and higher level education) 3. Political empowerment (representation in decision-making structures) 4. Health and survival (life expectancy and sex ratio)*

Berdasarkan Jadual 1, indeks kualiti pendidikan Malaysia adalah pada markat 31 daripada 148 negara, dengan Switzerland pada kedudukan markat 1. Sewajarnya perkara ini tidak boleh berlaku kerana bajet untuk pendidikan Malaysia adalah antara terbaik dalam dunia (sekitar 35 % daripada jumlah bajet negara). Sila google “schools in Switzerland” untuk mendapatkan gambaran jelas mengenai keadaan sekolah dan kolej negara itu. Memang wajar ia mendapat markat 1. Suasana fizikal sekolah dan universiti di Malaysia jauh ketinggalan dari segi rupa bentuk dan kelengkapannya, apatah lagi sekolah di luar bandar.

Bagaimana pula dengan persekitaran hidup kita? Dari segi indeks kebersihan/kesedaran memelihara keindahan alam, Malaysia berada pada markat 75 dan Switzerland berada pada markat 1. Implikasinya ialah kerajaan tempatan, selain daripada sekolah, perlu menjalankan lebih intensif kempen-kempen kebersihan dan kesihatan untuk membina masyarakat bersih dan sihat. Dari segi indeks kualiti kesihatan, Malaysia berada pada markat 38 berbanding dengan Switzerland pada markat 1. Implikasinya ialah kurikulum kesihatan di sekolah atau didikan kesihatan di rumah perlu menegaskan amalan kebersihan secara praktik dan serius, meliputi hal kebersihan diri dan pemakanan kepada hal pencegahan penyakit-penyakit tropika.

Dari segi indeks kebahagiaan atau kegembiraan masyarakat, Malaysia berada pada markat 35 dalam dunia, berbanding dengan Finland pada markat 1. Ini bermakna bahawa masyarakat Malaysia kurang bahagia dengan keadaan hidup mereka—di sekolah, universiti, hospital, tempat

kerja, jalan raya, taman rekreasi, dan pasar raya di sebabkan kualiti perkhidmatan yang rendah atau kos sara hidup yang tinggi.

Pada indeks kepuasan hidup pula, Malaysia berada pada markat 17 daripada 178 negara, berbanding dengan Denmark pada markat 1. Kita berpuas hati dengan apa yang ada. Benarkah? Pada indeks governan kerajaan, Malaysia berada pada markat 45, berbanding Finland pada markat 1; dan pada indeks keselamatan diri dan harta benda, Malaysia berada pada markat 59 berbanding dengan Singapura pada markat 1. Pada indeks modal sosial dan kemasyarakatan secara demokratik, Malaysia berada pada markat 30 berbanding dengan Australia pada markat 1. Pada indeks pembangunan insan, Malaysia berada pada tahap 57 berbanding dengan Norway pada markat 1. Fakta ini kita perlu akui kerana Korea Selatan, Jepun, Jerman, dan Amerika Syarikat lebih kedepan dalam pembangunan insan dari segi sikap, etika, dan motivasi kerja dalam industri dan perniagaan.

Berdasarkan banyak indeks global dalam Jadual 1, Malaysia perlu mempelajari falsafah, sikap, perangai, dan daya usaha masyarakat di negara Nordik Skandinavia seperti Norway, Sweden, Finland, dan Switzerland dalam proses pengurusan kerajaan, proses pendidikan, dan proses pembinaan masyarakat bertamadun, berkeadilan, dan sejahtera. Falsafah hidup orang Nordik ialah kebajikan seseorang individu adalah tanggungjawab bersama; korupsi dan ketiadaan integriti seseorang adalah perbuatan jenayah, umpama penyakit yang akan melemahkan seluruh masyarakat. Integriti dan kemasyarakatan adalah tunjang kesejahteraan masyarakat.

Berbalik kepada dua soalan yang diajukan sebelum ini, iaitu:

1. Dengan fakta bahawa masyarakat Melayu dan agama Islam adalah dominan, fakta bahawa masyarakat Malaysia yang kosmopolitan, dan fakta keperluan wawasan negara maju, apakah kekuatan dan fungsi FPK dalam membentuk sistem dan kurikulum pendidikan di Malaysia kini?
2. Sejauh manakah FPK relevan untuk masyarakat kosmopolitan Malaysia, untuk orang Islam di Malaysia, dan untuk pembangunan teknologi dan ekonomi negara?

Untuk soalan 1, kita boleh rumuskan daripada hujah dan fakta sebelum ini bahawa FPK mempunyai kelemahan kerana tiada komponen Teknologi, iaitu komponen untuk mendorong



guru dan pelajar menguasai aplikasi teknologi ICT, digital, dan robotik untuk kemajuan perindustrian, pertanian, dan perdagangan. Kadar perindustrian Malaysia tidaklah sepantas Korea Selatan atau China, yang pada satu ketika pada era 1970-an dan 1980-an hampir sama taraf dengan Malaysia. Juga dari segi teknologi pertanian, Malaysia ketinggalan berbanding Taiwan, Thailand, dan Indonesia. Di mana kelemahannya? Mungkin pada kesungguhan, komitmen, dan sikap rendah pada kerajaan dan generasi belia sejak dua dekad lalu untuk memajukan pelbagai jenis industri—misalnya berasaskan getah, kayu, minyak sawit, jentera ringan, dan buah-buahan. Kelemahan FPK juga nampak ketara dalam bidang Jasmani kerana Malaysia ketinggalan dengan negara lain dalam bidang sukan, walaupun ada sekolah/ akademi sukan dan seni.

Jika kita menggunakan indeks global, Malaysia berada pada markat 57 pada indeks pembangunan insan, justeru umumnya FPK dan sistem pengurusan pendidikan Malaysia belum mampu lagi membentuk negara bangsa dan masyarakat sejahtera dan gembira, menurut acuan standard nternasional. Persoalan jika bangsa lain boleh, mengapa kita tidak? Jika kita sepakat dan sepadu dalam masyarakat satu negara bangsa dan mengamalkan konsep kewarganegaraan Athenian (Athenian citizenship) atau Madinah, maka banyak indeks internasional yang Malaysia boleh capai dengan cemerlang.

Bagaimana pula fungsi FPK dalam hal penambahbaikan sistem dan kurikulum di sekolah dan IPT di Malaysia? Fungsinya dapat ditentukan dengan meneliti cakupan pembentukan diri individu secara holistik atau komprehensif, iaitu pada keberhasilan atau kesan dalam 16 bidang literasi yang telah digariskan. Nampaknya fungsi FPK belum tercapai sepenuhnya mencakupi 16 bidang itu. Apa kita perlu buat? Lantaran itu, kita kena sasarkan kurikulum sekolah dan IPT kepada 16 bidang itu dan pendekatan pengajaran-pembelajaran adalah secara eksperiansial dan inkuri, bukan hanya kepada kandungan akademik. Pendekatan eksperiansial ialah pemerolehan ilmu dan fakta melalui pengalaman praktik, seperti kajian kes, penyelesaian masalah, menjalankan eksperimen, kegiatan sosial, kajian ekologi, kerja bengkel, dan latihan kerja. Pendekatan ini penting di semua peringkat, lebih-lebih di peringkat kolej dan universiti.

Lagi satu persoalan ialah: sejauh manakah FPK relevan untuk masyarakat kosmopolitan, umat Islam, dan kemajuan teknologi dan ekonomi? FPK sangat relevan dengan tiga tujuan

berkenaan—sila lihat Rajah 1.1 pada sudut tiga segi. Tetapi kita masih ketinggalan menurut indeks internasional, walaupun Malaysia berbelanja berbillion ringgit untuk berbagai-bagai projek, khususnya bidang pertanian, perindustrian, perubatan, dan telekomunikasi. Apa yang kurang? Mungkin pembatiran konsep kewarganegaraan Athenian yang mengutamakan semangat dan komitmen tinggi pada nilai patriotik, kualiti, dan integriti kerja dalam proses pembinaan negara bangsa—seperti orang Sweden, Norway, Jerman, Jepun, dan Korea Selatan.

## Kesimpulan

Falsafah pendidikan pada mulanya ialah falsafah esensialisme, iaitu yang mengutamakan pengajaran-pembelajaran ilmu klasik yang mendasari tauhid, akidah, iman, fiqah, jiwa Al-Quran bagi insan Islam dan masyarakat Islam. Kemudiannya, dalam pemerintahan Inggeris pula, selama satu setengah abad, pemerintah kolonial dan kapitalis memperkenalkan falsafah pragmatisme, yang mementingkan pendidikan sekolah dan kolej vokasional untuk melatih tenaga kerja bagi menyokong insutri kolonial. Falsafah pendidikan ini berlanjutan hingga era 1970-an. Pada tahun 1980-an hingga awal abad 2000 falsafah pendidikan berubah kepada falsafah progresivisme yang mengutamakan integrasi mata pelajaran dan pembelajaran berfokus-murid. Pada dekad 2010-an ini, falsafah pendidikan berbalik kepada pragmatisme yang menegaskan pula pendidikan berasaskan keberhasilan (*outcome-based education*) sama ada di sekolah ataupun universiti. Ini sejajar dengan konsep akauntabiliti. Lantaran kini falsafah yang ada ialah progresivisme-pragmatisme. Apa pun pendidikan di Malaysia wajar memberi perhatian kepada 16 bidang literasi dan pendekatan pembelajaran eksperiansial untuk membina masyarakat dan negara bangsa cemerlang di peringkat internasional.

## Rujukan Umum

Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2010*. Putrajaya, KPM.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025*. Putrajaya, KPM.

Malaysia (1998). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan Terpilih*. Kuala Lumpur: International Law Book Series.

Malaysia (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Sufean Hussin (2002a). *Dasar pendidikan progresif: Perspektif makro dan mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

\_\_\_\_\_ (2002b). *Inovasi dasar pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_ (2004a). *Dasar pembangunan pendidikan Malaysia: Teori dan analisis*. Kuala Lumpur: DBP.

\_\_\_\_\_ (2004b). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem, falsafah*. Kuala Lumpur: DBP.

\_\_\_\_\_ (2014). *Dasar sistem pendidikan: Perspektif teori dan pencapaian, 1956-2014*. Dalam buku Abdul Rahman Idris et al. (2014). *Analisis Strategik Dasar Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.